

SULIT

NAMA:..... TINGKATAN :.....

1103/1

BAHASA MELAYU 1

2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2026

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 1

(Dua jam)

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
 3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
-

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak



BAHAGIAN A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Bahan dan maklumat di bawah berkaitan **pemilihan kerjaya**.
Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pemilihan kerjaya**.
Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KERJAYA  Pemilihan kerjaya ialah satu proses penting dalam kehidupan seseorang yang menentukan hala tuju masa depan.	
PANTUN KERJAYA Burung merpati terbang bersama, Hinggap sebentar di dahan jati; Minat kerjaya pilihan utama, Membina masa depan yang pasti. Sumber : Internet	

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Muzik tradisional seperti dikir barat, gamelan dan ghazal merupakan seni warisan yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Namun begitu, muzik tradisional ini saban hari semakin dilupakan dan kurang popular dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, pihak sekolah disarankan agar menubuhkan kelab muzik tradisional bagi memperkenalkan muzik ini kepada murid-murid di sekolah.

Sumber : Internet

Huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas berserta cara-cara lain untuk mempopularkan kembali muzik tersebut.

2. Negara kita memerlukan rakyat yang mementingkan nilai-nilai positif dalam diri untuk bersama-sama memantapkan jati diri. Namun begitu, generasi kini tidak mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kita memerlukan generasi yang berilmu pengetahuan, menjaga kebersihan alam sekitar dan memiliki semangat cinta akan negara dalam usaha membentuk warganegara yang baik.

Sumber : Internet

Huraikan ciri-ciri warganegara yang baik.

3. Hubungan diplomatik yang baik membantu Malaysia menangani isu secara strategik. Lebih-lebih lagi semasa ketidakpastian ekonomi serantau ketika ini seperti isu ketidakcukupan bekalan makanan. Oleh itu, hubungan diplomatik penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi, bantuan bencana alam dan perkongsian pendidikan.

Sumber : Internet

Huraikan kepentingan-kepentingan hubungan diplomatik antara negara sekitar.

4. Pakaian tradisional seperti baju Melayu, baju kebaya, ceongsam, dan sari mencerminkan kepelbagaian budaya di Malaysia. Akan tetapi pengaruh fesyen Barat telah mendapat tempat di hati masyarakat terutamanya remaja sehingga menyetepikan pakaian tradisional. Oleh itu, pihak sekolah boleh menganjurkan pertandingan pakaian tradisional sebagai usaha untuk mempopularkannya supaya kekal sebagai lambang warisan budaya Malaysia.

Sumber : Internet

Huraikan usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan pakaian tersebut.